

Surat khabar: Utusan Borneo (Tempatan)

Hari/Tarikh: 22/5/2016

Muka surat: 8

Tajuk : Bangun modal insan keupayaan menyeluruh

8 Utusan Borneo Ahad, 22 Mei 2016

Tempatan

Bangun modal insan berkeupayaan menyeluruh

Falsafah IREJ bantu pelajar kurang cemerlang jadi tenaga kerja mahir untuk capai hasrat negara maju

Oleh Henrietta Liza

SERIAN: Sarawak memerlukan pembangunan modal insanyang mempunyai keupayaan menyeluruh serta bersepadu bagi mewujud keseimbangan harmoni berlandas prinsip falsafah Intelek, Rohani, Emosi dan Jasmani (IREJ).

Menteri Sumber Manusia, Datuk Sri Richard Riot Jaem memperkenal IREJ itu berbantahan, ia membantu melahirkan banyak tenaga kerja mahir bagi mencapai hasrat negara menjadi maju dan berpendapatan tinggi.

"Peluang ini terbuka kepada pelajar tidak begitu cerdik dan tidak begitu cemerlang dalam bidang akademik namun masih mempunyai harapan seperti pelajar negara maju.

"Mereka harus mengambil iktibar dengan mengambil kira peratusan pekerja mahir di negara Jerman sebanyak 82

"Peluang ini terbuka kepada pelajar tidak begitu cerdik dan tidak begitu cemerlang dalam bidang akademik namun masih mempunyai harapan seperti pelajar negara maju. "

Datuk Sri Richard Riot Jaem
Menteri Sumber Manusia

peratus, Singapura 52 peratus dan kedua-dua negara ini antara yang maju dan berpendapatan tinggi," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Program Kemahiran dan Kerjaya 2016.

Jelasnya, daripada segi peratusan, setakat ini Malaysia berada pada tangga menyediakan kerana cuma mencapai 28 peratus pekerja mahir.

Justeru tegasnya, jika visi

negara menjelang 2020 menjadi sebuah negara maju dan berpendapatan tinggi maka peratusan pekerja mahir perlu dipertingkat bagi mencapainya.

Beliau memberitahu bahawa daripada 28 peratus setakat ini pekerja mahir, pihaknya menyasarkan kenaikan kepada 35 peratus menjelang 2020.

"Sementara sasaran 50 peratus pekerja mahir dapat dicapai pula pada 2030 untuk



KENANGAN: Riot (empat kiri) bersama tetamu kehormat mengadakan simbolik pelancaran majlis di Kampung Pichin, Serian semalam.

menjadi sebuah negara maju dan berpendapatan tinggi.

"Usaha itu akan dilaksana melalui kewujudan 1.5 juta peluang pekerjaan melalui RMK11 (bermula 2016 sehingga 2020) dan 60 peratus daripada jumlah tersebut memerlukan pekerja berke-

mahir tinggi," katanya.

Jelasnya, jika tidak bersedia menyahut cabaran itu, maka visi untuk menjadi sebuah negara maju dengan status berpendapatan tinggi pasti akan tercapai.

Riot mengakui terdapat persaingan untuk mencari

pekerjaan hari ini ditambah lambakan graduan universiti awam termasuk graduan universiti swasta seluruh negara.

Maka dengan itu, beliau mahu graduan dan pelajar tidak cemerlang akademik merebut peluang tersebut

dengan mempelajari ilmu bidang kemahiran bagi kemajuan diri sendiri.

Di majlis sama, Riot meminta siswa dan siswi yang menyertai Program Kesukarelawan dan Kemasyarakatan serta Program Apprenticeship di Kampung Pichin, Serian untuk sentiasa mengamalkan semangat integrasi nasional.

"Sarawak semenangnya modal negeri contoh kepada amalan budaya perpaduan, walaupun saya bukan menteri soladiriti tetapi bawalah amalan perpaduan pelbagai kaum berbeza di sini ke Semenanjung tanahair," ujarnya.

Turut hadir adalah Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kedup, Martin Ben dan ADUN Bukit Semuja, John Ilus dan Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UNIMAS, Profesor Dr. Wan Ibrahim Wan Hashim.